

DESKRIPSI PROGRAM

Program ini merupakan satu bentuk bantuan kewangan (**dermasiswa**) yang diberi berdasarkan permohonan pelajar setiap tahun dalam membantu anak-anak Kelantan di dalam **pengajian**, di beberapa institusi Pengajian **Tinggi Luar dan Dalam Negara** dalam pelbagai bidang yang bermanfaat.

Bantuan pengajian berbentuk Dermasiswa ini adalah berdasarkan permohonan pada tahun tersebut dan tertakluk kepada tempoh pengajian pelajar.

***Permohonan dan kelulusan adalah MAKSIMUM sekali setahun sahaja. (BUKAN BANTUAN SETIAP SEMESTER)**



SYARAT UMUM MAIK

1. Terbuka kepada pemohon warganegara Malaysia (**peranakan Kelantan**) yang lahir dan bermastautin **menetap** di Kelantan.
2. Ibubapa/ Penjaga pemohon **menetap dan bermastautin di Kelantan SAHAJA**.
3. Terdiri dari golongan asnaf yang layak menerima zakat.
4. Jumlah **pendapatan** keluarga adalah tidak melebihi **RM10,000** sebulan. (**PENDAPATAN KASAR**)
5. **TIDAK** mendapat tajaan pembiayaan (termasuk pinjaman boleh ubah) atau dermasiswa atau biasiswa mana-mana pihak **KECUALI** Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (**PTPTN**) dan bantuan kewangan/ pinjaman agensi Kerajaan Negeri Kelantan.
6. Pemohon bukan di kalangan **PENERIMA** zakat mana-mana bantuan IPT atau dermasiswa dari MAIK pada tahun semasa atau / dan pada sekurang-kurangnya tempoh 6 bulan dari **TARIKH DIKREDITKAN** bayaran.
7. Keputusan permohonan adalah tertakluk kepada **KELULUSAN** pihak MAIK.

SYARAT KHUSUS CALON

(KELAYAKAN AKADEMIK)

Pelajar Luar Negara (Timur Tengah)

Memperoleh keputusan Maqbul (Lulus) dan layak menyambung pengajian ke tahun seterusnya.

Pelajar Luar Negara (selain Timur Tengah)

Memperoleh minima PNGK 3.0 dan / atau keputusan 75% lulus dan layak menyambung pengajian ke tahun seterusnya.

Pelajar Dalam Negara

1. Memperoleh **minima PNGK 3.0** dan / atau *keputusan 75% lulus dan layak menyambung pengajian ke tahun seterusnya.
***Pemohon yang tidak melibatkan sistem PNGK atau sistem PNGK atau secara penyelidikan (e.g Sarjana / PhD) atau berkaitan SAHAJA.**
2. Pemohon hendaklah memperoleh sekurang-kurangnya keputusan **SEMESTER 2 DAN KE ATAS** pada **PERINGKAT SEMASA** dan/atau berada di **SESI PENGAJIAN TAHUN KEDUA** ke-atas **SAHAJA**.

Syarat Tambahan

1. Maksimum permohonan dan kelulusan bantuan 5 kali sahaja bagi pelajar yang menuntut di Mesir.
2. Bagi peringkat kemahiran Bahasa Arab (lughah), maksimum sekali sahaja sepanjang pengajian
3. Bagi lain-lain negara termasuk Malaysia, permohonan dan kelulusan adalah tertakluk kepada kursus dan peringkat pengajian.
4. Baki tempoh pengajian pemohon hendaklah **sekurang-kurangnya 3 bulan** dari tamat pengajian.
5. Dermasiswa adalah tertakluk kepada kelulusan MAIK

Berdasarkan surat tawaran dan surat pengesahan pengajian terkini.

SYARAT KELAYAKAN MEMOHON

1. I - Luar Negara (Selain Timur Tengah):

- a. Ijazah Sarjana Muda (**RM5,000.00**)
- b. Sarjana (**RM5,000.00**)
- c. Kedoktoran / PHD (**RM5,000.00**)

II - Luar Negara (Timur Tengah SAHAJA)

***Berdasarkan Keputusan Pengajian bermula Tahun 1 peringkat IJAZAH SARJANA MUDA, SARJANA DAN PHD (BUKAN KEPUTUSAN STAM ATAU SETARAF DENGANNYA)**

BIL	KEPUTUSAN PENGAJIAN	KADAR DERMASISWA
1.	Maqbul	RM5,000
2.	Jayyid	RM6,000
3.	Jayyid Jiddan	RM7,000
4.	Mumtaz	RM10,000

2. Dalam Negara :

- a) Diploma (**RM2,500.00**)
- b) Ijazah Sarjana Muda (**RM2,500.00**)
- c) Sarjana (**RM2,500.00**)
- d) Kedoktoran / PHD (**RM2,500.00**)

***Tertakluk kepada permohonan untuk setahun sekali sahaja**

CARA PERMOHONAN

1. Maklumat permohonan hendaklah **diisi dengan tepat, lengkap dan jujur** seperti mana lampiran dokumen.
2. Permohonan secara atas talian (<http://eagihan.e-maik.my/>) Perkhidmatan KIOSK dan mesin pengimbas disediakan di aras bawah, Unit Agihan Zakat MAIK dan seluruh Masjid Bandar Negeri Kelantan dibawah kod 28412 - Dermasiswa Sultan Ismail Petra (DSIP) MAIK
3. Manual permohonan :
(Memohon melalui sistem **eagihan** → Permohonan Muatnaik dokumen → (Dalam **status PERMOHONAN**) → Permohonan dihantar → Kemaskini Maklumat (dalam masa 7 hari selepas dapat no rujukan) → Proses pengurusan MAIK)
4. Permohonan akan **DITOLAK** dan **TIDAK AKAN DIPROSES** SEKIRANYA :
 - i. **TIDAK** memuatnaik dan hantar dalam tempoh 60 hari dari *tarikh permohonan dibuat.
***Merujuk kepada tarikh permohonan dibuka SAHAJA.**
 - ii. **DOKUMEN YANG TIDAK LENGKAP melebihi 3 KALI.**
 - iii. Permohonan yang dihantar **SELEPAS** tarikh tutup permohonan (untuk hantar kali pertama sahaja). (e.g. tarikh permohonan dihantar oleh pemohon (untuk semakan kali pertama) **01/11/2024, TARIKH TUTUP 31/10/2024**)
 - iv. Permohonan yang tidak lengkap **DIHANTAR** selepas dari TAHUN permohonan. (e.g DOKUMEN TIDAK LENGKAP 02/01/2024, hantar semula permohonan 02/01/2025)

***PIHAK MAIK BERHAK MENOLAK PERMOHONAN SEKIRANYA TERDAPAT UNSUR-UNSUR PENIPUAN MAKLUMAT ATAU PEMALSUAN DOKUMEN TANPA SEBARANG NOTIS.**

DOKUMEN YANG DIPERLUKAN

(Pengesahan salinan adalah MANDATORI)

1. Gambar pemohon berukuran passport.
2. Salinan no k/pengenalan pemohon.
3. Salinan no k/pengenalan atau passport bagi :-
 - i. **Bapa** pemohon atau
 - ii. Penjaga atau
 - iii. Suami (Pemohon yang telah berkahwin) atau
 - iv. Ketua Keluarga.(Sekiranya meninggal dunia, sila sertakan sijil kematian).
4. Salinan no k/pengenalan atau passport bagi :-
 - i. **Ibu** pemohon atau
 - ii. Pasangan Penjaga atau
 - iii. Isteri (Pemohon yang telah berkahwin).(Sekiranya meninggal dunia, sila sertakan sijil kematian).
5. Salinan no k/pengenalan atau surat **beranak tanggungan di bawah ibubapa / penjaga** iaitu :-
 - i. Isteri tidak bekerja.
 - ii. Anak tidak bekerja (21 Tahun ke bawah sahaja).
 - iii. Anak yang masih belajar.
 - iv. Ibu tunggal.
 - v. individu OKU (sertakan salinan kad OKU).
6. Dokumen pengesahan pendapatan **Bapa pemohon** atau Penjaga atau Ketua Keluarga atau Suami (sekiranya pemohon berstatus kahwin) iaitu:-
 - i. Salinan penyata gaji **TERKINI** atau
 - ii. Salinan penyata bayaran pencen **TERKINI** atau Salinan Surat Perakuan Pengesahan Pendapatan **TERKINI.**(Bagi individu Bekerja Sendiri atau Tidak Bekerja atau Individu yang tiada penyata gaji sahaja).

7. Dokumen pengesahan pendapatan **Ibu pemohon** atau Pasangan Penjaga atau Isteri (sekiranya pemohon berstatus kahwin) iaitu :-
 - i. Salinan penyata gaji **TERKINI**
 - ii. Salinan penyata bayaran pencen **TERKINI**
 - iii. Salinan Surat Perakuan Pengesahan Pendapatan **TERKINI**.

(Bagi individu Bekerja Sendiri atau Tidak Bekerja (termasuk suri rumah) atau Individu yang tiada penyata gaji sahaja).

8. Dokumen pengesahan pengajian iaitu :
 - A. Salinan **Surat Pengesahan Pengajian TERKINI** dari institusi Pengajian :-
 - i. Bagi pelajar **IPT DALAM NEGARA**
 - ii. Bagi pelajar **LUAR NEGARA TAHUN 2 DAN KE ATAS**.
 - B. Salinan Surat Tawaran
 - i. Bagi **PELAJAR LUAR NEGARA** tahun pertama sahaja.
9. Salinan passport pemohon (bagi pelajar luar negara).
10. Salinan **akaun bank terkini dan aktif**.
11. **Dokumen keputusan peperiksaan iaitu :-**
 - i. Salinan ***keputusan peperiksaan semester terakhir atau TERKINI** peringkat semasa atau
 - ii. Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) atau Sijil Tinggi Tahfiz Quran (STTQ) bagi pelajar markaz lughah tahun pertama sahaja.
 - iii. Salinan laporan kemajuan **TERKINI** disahkan oleh pihak institusi (bagi pelajar peringkat Sarjana (Master) atau PhD - mod penyelidikan sahaja).

*Keputusan peperiksaan hanya terjemahan dalam **BAHASA MELAYU** atau **BAHASA INGGERIS** sahaja.

12. Surat sokongan dan pengesahan permohonan :
 - A. **Bagi pelajar luar negara** - Pegawai Kedutaan / Atas / Konsul / Ketua@Presiden Mahasiswa.
 - B. **Bagi pelajar dalam negara** - Dekan / Ketua Jabatan / Pensyarah Kanan / Pensyarah / Penasihat Akademik / Pegawai Hal Ehwal Pelajar.

*Surat mestilah disertakan tandatangan & cop mohor jawatan yang jelas.

* **Borang UTPO11** - Perakuan Pengesahan Dan Sokongan **DSIP** **Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan** disediakan di portal rasmi MAIK (Bagi Pelajar Dalam Negara Sahaja).

13. Lain-lain dokumen seperti Surat Akuan Cerai (Bagi ibubapa pemohon yang bercerai) atau Dokumen Perakuan Anak Angkat atau Sijil Nikah (sekiranya pemohon berkahwin) atau Sijil Kematian atau Surat Rayuan (**bagi yang berkaitan**) dll.

****SEGALA RISIKO PERMOHONAN DI BAWAH TANGGUNGJAWAB PEMOHON SENDIRI.**



مَجْلِسُ اِكْمَارِ اِسْلَامِ دَانَ اَدَاتِ اِسْتِيَادَاتِ مَلَاوِي كَلَنْتَانِ
MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT MELAYU KELANTAN

**Unit Tajaan Pendidikan
Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu
Kelantan**



Portal Rasmi MAIK : www.e-maik.my

✉ Emel : info_pendidikan@e-maik.my

👤 Hubungi : 09-7421519

📍 Lokasi : Kompels Islam Darulnaim, Lundang,
Jalan Sultan Yahya Petra,
15200 Kota Bharu Kelantan.

DERMASISWA
Sultan Ismail Petra (DSIP)



SILA IMBAS DI SINI
Untuk Membuat
Permohonan Bantuan
Pendidikan



MAIKkelantan



www.e-maik.my